

## Tabung Imigrasi India di Tanah Melayu pada Era Pasca Perang Dunia Kedua Sehingga Ambang Kemerdekaan

PUSHPAVALLI A.RENGASAMEY<sup>1</sup>  
SIVACHANDRALINGAM SUNDARA RAJA<sup>2</sup>

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Lembah Pantai,  
50603 Kuala Lumpur.

<sup>1</sup>malarkodi\_69@yahoo.com, <sup>2</sup>siva@um.edu.my

**Abstrak** Makalah ini akan memperinci peranan Tabung Imigrasi India antara 1945-1955. Tabung Imigrasi India [*Indian Immigration Fund (1907)*] ditubuhkan untuk menanggung kos merekrut buruh India Selatan untuk bekerja di ladang-ladang getah di Tanah Melayu dan menghantar mereka pulang ke India apabila sudah uzur. Kos yang ditanggung termasuklah tambang kapal stim dari India ke Tanah Melayu, tambang kereta api buruh dan kaum keluarga ke depoh di Madras dan Negapatam, perbelanjaan makanan dan perubatan, bayaran kuarantin di Tanah Melayu dan perbelanjaan pengangkutan dari pelabuhan ke tempat buruh bekerja di Tanah Melayu. Pada dasarnya, Kerajaan British melalui Tabung Imigrasi India telah berjaya mengawal kemasukan buruh India ke Tanah Melayu, mengawal pengagihan buruh ke ladang-ladang getah dan menangani kelemahan dalam pengambilan buruh yang terdapat dalam Sistem Kangani. Walaupun tabung ini ditubuhkan untuk membela buruh ladang India, tidak ramai yang mengetahui bahawa tabung ini juga telah digunakan oleh British untuk kepentingan mereka pada era selepas Perang Dunia Kedua. Pada era pendudukan Jepun, buruh India telah hidup dalam keadaan merana tetapi tiada kesungguhan daripada pihak Kerajaan British untuk membela komuniti ini yang telah hidup terseksa akibat kekejaman rejim Jepun dan keperitan hidup yang dilalui dalam pembinaan Landasan Kereta api Maut Burma-Siam. Tempoh masa 1945-1957 penting untuk melihat kejujuran British menjaga kepentingan buruh India dan bagaimana tabung ini telah disalah guna. Makalah ini akan membuktikan bahawa terdapat penyimpangan dalam objektif penggunaan tabung pada era selepas pendudukan Jepun yang tidak dirakamkan dalam sejarah Malaysia.

**Kata Kunci:** Tabung Imigrasi India, buruh India, Kangani, British, pendudukan Jepun, Landasan Kereta api Maut

**Abstract** *This article will analyse the role of the Indian Immigration Fund between 1945 and 1955. The Indian Immigration Fund was formed in 1907 and its sole role was to bear the cost to recruit South Indian labourers to work in the rubber plantations in Malaya and to repatriate them to South India when they have aged. Beside that, the fund also provide welfare services to the plantation workers. The cost incurred include steamship passages from India to Malaya, train fares of emigrants and their dependants from their villages to the camps in Madras and Negapatam, feeding and medical attention of emigrants and their dependants awaiting shipment at the emigration depots, quarantine charges in Malaya and transport charges from ports to places of employment. Through the fund, the British were successful in controlling Indian labourer's emigration to Malaya, controlling distribution of labourers to estates and to tackle the shortcomings of the Kangani system. Although the fund was formed for the concern of the Indian labourers' welfare services, it has also been used by British for their own interest in the post Second World War era. Indian labourers had been living in miserable conditions during the Japanese Occupation but there were no initiative on the part of British to help the community who have suffered under the Japanese regime and in the construction of Burma-Siam Death Railway. The 1945-1955 phases are crucial in evaluating the honesty of British in safeguarding the interests of Indian workers and to what extent the Fund was misused by the British. This paper will prove that there were deviations in the objectives of the fund in the post Japanese Occupation era which has yet been documented in the Malaysian history.*

**Keywords:** *Indian Labour Fund, Indian labourers, Kangany, British, Japanese occupation, Death Railway*

## PENGENALAN

Kehadiran British di Negeri-negeri Melayu (NNM) pada pertengahan abad ke-19 menyaksikan negeri-negeri ini mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat dan peningkatan dalam pengeluaran hasil tanaman komersial seperti kopi, tebu, getah dan galian seperti bijih timah dan emas. Peningkatan dalam pengeluaran hasil pertanian dan perlombongan memerlukan tenaga buruh yang ramai dari negara luar. Hal ini mendorong British memikirkan mekanisme khusus untuk merekrut buruh India, Cina dan Jawa untuk mengusahakan tanaman komersial dan bijih timah. Buruh Tamil telah

direkrut melalui sistem kontrak dan Sistem Kangani. Namun, kaedah tersebut tidak dapat memenuhi permintaan buruh Tamil yang semakin meningkat. Dalam kerangka inilah Tabung Imigrasi India (pada asalnya Tabung Imigrasi Tamil) dibentuk pada tahun 1907 untuk membawa buruh-buruh Tamil dari India Selatan bagi memajukan tanaman getah dalam sektor perladangan. Tabung ini diuruskan oleh satu badan amanah yang dikenali sebagai Jawatankuasa Imigrasi India yang tertakluk kepada perlembagaan Seksyen 3, “*The Tamil Immigration Fund Ordinance; Straits Settlements Ordinance*” (No.XVII, 1907)<sup>1</sup> dan diselenggara melalui sumbangan majikan ladang dan Kerajaan British.

Objektif asal tabung adalah untuk menanggung kos merekrut buruh India Selatan untuk bekerja di ladang-ladang getah di Tanah Melayu, menghantar mereka pulang ke India apabila mereka sudah uzur dan menjaga kebajikan buruh India. Sejak penubuhannya sehingga teretusnya Perang Dunia Kedua, tabung telah berjaya membiayai kos merekrut 1,570,282 buruh India Selatan ke Tanah Melayu di antara tahun 1910-1938<sup>2</sup> dan menanggung kos merepatriasi 318,144 buruh ke India Selatan di antara tahun 1913-1941.<sup>3</sup> Semasa Perang Dunia Kedua, tabung ini tidak berfungsi dan menyebabkan kebanyakan buruh India tidak berupaya balik ke India Selatan malah, dibiarkan hidup terseksa di bawah kezaliman pemerintahan Jepun. Selepas Perang Dunia Kedua, tabung meneruskan peranan asal merepatriasi buruh India dan mereka yang berada dalam tanggungan malah menghulurkan bantuan kewangan kepada institusi yang menjaga mangsa peperangan. Bagaimanapun, bantuan tersebut amat kecil jika dibandingkan dengan kekuatan sumber kewangan tabung. Sungguhpun tabung ini ditubuhkan semata-mata untuk membela nasib buruh India Selatan, tidak ramai yang mengetahui bahawa tabung ini juga telah digunakan oleh British untuk kepentingan mereka pada era pasca Perang Dunia Kedua. Malahan, tiada kesungguhan daripada pihak Kerajaan British untuk membela nasib komuniti India yang telah hidup merana pada zaman pendudukan Jepun dan hidup terseksa dalam pembinaan Landasan Kereta api Maut Burma-Siam. Peranan Tabung ini dalam tempoh masa selepas pendudukan Jepun sehingga di ambang kemerdekaan jelas menunjukkan ketidakjujuran British dalam menjaga kebajikan buruh India dan penyalahgunaan tabung yang digunakan bagi memastikan kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu terpelihara.

## KEDUDUKAN TABUNG IMIGRASI DAN NASIB BURUH INDIA SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

Kerajaan British yang kembali memerintah Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun telah memulakan Pentadbiran Tentera British [*British Military Administration* (BMA)] dari September 1945 sehingga April 1946.<sup>4</sup> BMA telah melantik ahli Jawatankuasa Imigrasi India yang baharu untuk menguruskan tabung. Jawatankuasa baharu ini telah memulakan operasi menjejaki rekod-rekod berkaitan tabung yang mempunyai nilai berjumlah 5-6 juta dolar pada penghujung tahun 1941. Operasi bermula apabila Jawatankuasa Imigrasi India mengarahkan Major Nightingale<sup>5</sup> ke Pulau Pinang pada 1 Oktober 1945 untuk menyiasat status rekod-rekod berkaitan tabung. Nightingale telah melaporkan bahawa kebanyakan buku akaun dan dokumen berkaitan tabung telah dijumpai dan memberi jaminan bahawa akaun tabung berada di Chartered Bank.<sup>6</sup> Kesemua dokumen sulit telah dibungkus, disita dan ditinggalkan dengan perbendaharaan bagi tujuan keselamatan dan perlindungan, sementara dokumen-dokumen lain dikunci di Pejabat Buruh. Menurut F.V. Duckworth, *Staff Officer (I) Labour Civil Affairs*, rekod-rekod berkaitan tabung sangat bernilai apabila masanya tiba untuk menjelaskan tentang status tabung.<sup>7</sup>

Buruh India mengalami nasib yang malang dari segi sosial dan ekonomi pada zaman pendudukan Jepun. Dengan kehadiran Jepun, pegawai-pegawai British yang terlibat dengan pengurusan sektor perladangan getah dan pegawai-pegawai atasan British telah meninggalkan Tanah Melayu. Keadaan ini menyebabkan hasil pengeluaran getah semakin berkurangan. Jepun yang menawan Tanah Melayu berusaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran getah tetapi usaha ini tidak memperoleh kejayaan di kebanyakan ladang getah. Malah, hasil pengeluaran getah makin menurun. Situasi ini menyebabkan ramai buruh India yang bergantung kepada sektor perladangan getah hilang mata pencarian, kebuluran dan terpaksa bercucuk tanam untuk meneruskan kehidupan. Kebanyakan buruh India telah bergantung kepada ubi kayu sebagai makanan harian mereka. Akibatnya, kadar kematian buruh India meningkat disebabkan kekurangan nutrisi dan mereka juga menghidap pelbagai jenis penyakit seperti malaria,<sup>8</sup> disentri dan beri-beri.

Kehidupan buruh India juga dizalimi oleh tentera Jepun apabila pendapatan dan wang simpanan buruh India lelaki dan perempuan dirampas, rumah mereka dipecah masuk, isteri dipisahkan daripada suami, anak dipisahkan daripada ibu bapa dan ramai lagi buruh lelaki telah dibawa ke Siam. Menurut George Netto, dalam tempoh masa di antara 1942 hingga 1943, dianggarkan 75,000 buruh India dari ladang-ladang getah dan jabatan kerajaan telah menawarkan diri ataupun dibawa secara paksa oleh tentera Jepun ke Siam untuk bekerja dalam pembinaan Landasan Kereta api Maut yang menghubungkan Burma-Siam. Daripada jumlah tersebut, 45,000 buruh dilaporkan maut di Siam dan keluarga mereka di Tanah Melayu dibiarkan tanpa jagaan.<sup>9</sup> Akhbar *The Malay Mail* telah melaporkan bahawa gerabak-gerabak kereta api yang sarat dengan buruh India yang sihat dibawa masuk ke Siam tetapi ramai yang menemui ajal. Hanya sebilangan kecil yang pulang ke Tanah Melayu dan badan mereka yang dahulunya sihat kini diselubungi dengan bisul.<sup>10</sup> Menurut Paul H.Kratoska, kebanyakan buruh yang dihantar bekerja di Landasan Kereta api Maut meninggal dunia disebabkan kekurangan nutrisi dan menghidap pelbagai penyakit manakala mereka yang pulang ke Tanah Melayu sering kali menerima rawatan untuk penyakit seperti malaria, ulser kulit dan kekurangan nutrisi.<sup>11</sup> Senario ini menyaksikan penurunan dalam populasi buruh India pada penghujung Perang Dunia Kedua dan keadaan hidup mereka yang melarat. Menurut Stenson, buruh India telah mengalami tahap degradasi yang paling minimum dari segi fizikal, kurang nutrisi dan berpakaian guni pada penghujung pendudukan Jepun. Stenson telah menilai impak pendudukan Jepun ke atas populasi buruh India dengan bilangan penduduk India telah mengalami kejatuhan sehingga 100 000 atau hampir 7%<sup>12</sup> manakala Paul H.Kratoska pula merekodkan kejatuhan populasi buruh India daripada 744, 202 (1941) kepada 599,616 (1947), iaitu lebih daripada 19%.<sup>13</sup>

Pada era pasca Perang Dunia Kedua, kebanyakan buruh India dan tanggungan mereka hidup terseksa dalam kebuluran. Mereka terpaksa mengutip sisa-sisa makanan dari sampah-sarap untuk menjalani kehidupan seharian. Akhbar *Malay Mail* menggambarkan keadaan tanggungan buruh India seperti yang berikut:

*Children running to the gutters to salvage a morsel of food, human beings growling, snarling and quarrelling in the back lanes of this town for the throwing of leaves at the back of Indian eating shops and restaurants.*<sup>14</sup>

Keadaan ini membuktikan bahawa sebilangan buruh India telah hidup dalam keadaan merana, kebuluran dan berpenyakit pada era pemerintahan Jepun. Kehidupan mereka tidak banyak berubah selepas Perang Dunia Kedua.

### **TANGGUNGJAWAB BRITISH TERHADAP MANGSA PEPERANGAN DAN PERANAN TABUNG IMIGRASI INDIA, 1945-1955**

BMA yang mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu terpaksa memikul dua tanggungjawab penting, iaitu menjaga kebajikan mangsa peperangan dan memulihara ekonomi Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu, BMA telah menubuhkan jawatankuasa seperti Jawatankuasa Bantuan Kecemasan (*The Emergency Relief Committee*) dan Majlis Kebajikan (*The Welfare Council*) bagi menjaga kebajikan mangsa peperangan dan membentuk Tabung Kemusnahan Peperangan (*War Damage Fund*)<sup>15</sup> untuk memulihara sektor perladangan getah dan perlombongan bijih timah.<sup>16</sup> Selain daripada BMA, kebanyakan badan antarabangsa seperti Jawatankuasa Jubli Perak, Persatuan Palang Merah Australia, Persatuan Palang Merah dan St. John England dan Persatuan Palang Merah India dan pertubuhan-pertubuhan awam tempatan telah sedia menghulurkan bantuan kepada mangsa peperangan tetapi peranan tabung amat terhad dalam konteks menghulurkan bantuan kepada mangsa pendudukan Jepun.

Tabung Imigrasi India memainkan peranan yang pelbagai pada era pasca Perang Dunia Kedua tetapi terhad dalam konteks menjaga kebajikan buruh India. Tabung telah menanggung kos kewangan menghantar pulang buruh dan anak-anak mereka ke India dan memberi sedikit sumbangan kepada institusi yang menjaga buruh India dan anak-anak buruh yang yatim piatu.

#### **Tabung Merepatriasi Buruh India yang Tidak Sihat**

Selepas Perang Dunia Kedua, peranan tabung seharusnya bertumpu ke arah membantu buruh India yang telah hidup dalam keadaan merana pada zaman pendudukan Jepun. Bagaimanapun, jelas tiada kesungguhan daripada pihak Kerajaan British untuk membela buruh India yang melalui kezaliman pendudukan Jepun. Jawatankuasa Imigrasi India yang mengadakan

mesyuarat pertamanya selepas Perang Dunia Kedua pada 21 Mei 1946 telah memutuskan untuk meneruskan peranan asal tabung. Keputusan ini mencerminkan sikap British yang tidak mahu beralih daripada tujuan asal penubuhan tabung, iaitu hanya untuk merepatriasi buruh India yang sudah tua dan bersara serta ahli keluarga buruh yang masuk ke negara ini sebelum 15 Jun 1938. Tabung memberikan keutamaan kepada buruh India yang dibawa masuk sebelum larangan Kerajaan India kerana mereka telah pun dibayar cukai taksiran oleh majikan masing-masing.<sup>17</sup> Sehubungan dengan itu, tabung telah membiayai kos sebanyak \$364,715.37 untuk merepatriasi 5,615 buruh India dan 2,402 kanak-kanak dalam tempoh masa di antara September 1945 hingga 31 Disember 1948.<sup>18</sup> Senario ini menggambarkan kesungguhan Jawatankuasa Imigrasi India menghantar pulang buruh India yang tidak ekonomik lagi kepada British tetapi tidak nampak kecenderungan untuk mengubah suai peranan tabung mengikut keperluan untuk membantu nasib buruh India yang menderita akibat kekejaman pemerintahan Jepun.

### **Tabung Tidak Diguna Untuk Menjaga Kebajikan Buruh India**

Pada peringkat awal, tabung yang bertujuan menjaga kebajikan buruh India tidak digunakan oleh British untuk membantu buruh India yang menjadi mangsa peperangan. Hal ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pemimpin India. Misalnya, Jumabhoy<sup>19</sup> telah meminta Kerajaan British mempertimbangkan tabung untuk memberikan bantuan kepada buruh India yang terselamat dari kezaliman Jepun kerana ramai buruh India menderita akibat pelbagai penyakit, dibiarkan tanpa penjagaan di tepi-tepi jalan dan tidak mendapat bekalan makanan yang mencukupi. Kerajaan BMA pula tidak menyediakan kemudahan untuk menjaga mereka di hospital. Dalam keadaan begini, Jumabhoy telah mencadangkan agar buruh India yang menjadi mangsa peperangan diletakkan di bawah penjagaan *Ramakrishna Mission*.<sup>20</sup> Pertubuhan ini menjadi pilihan Jumabhoy kerana ia telah pun menjaga kebajikan 175 anak buruh India yang terkorban dalam pembinaan Landasan Kereta api Maut Burma-Siam dan 45 buruh India yang menjadi papa kedana akibat peperangan. Situasi ini menyebabkan kos penyelenggaraan *Ramakrishna Mission* mencecah \$3,000 sebulan sedangkan, ia hanya menerima peruntukan sebanyak \$300 sebulan daripada Jawatankuasa Bantuan Kecemasan dan Majlis Kebajikan.<sup>21</sup> Bagi meringankan beban tanggungan *Ramakrishna Mission*, Jumabhoy mencadangkan agar tabung digunakan untuk membiayai kos bekalan makanan dan perubatan buruh India.<sup>22</sup>

Cadangan Jumabhoy telah disangkal oleh Colonel Vickers, seorang pegawai dari Jabatan Kebajikan dan Kesihatan Umum (*Public Health and Welfare*) dengan alasan masalah kemiskinan dan kekurangan nutrisi dalam kalangan buruh India seharusnya diuruskan oleh badan-badan seperti Jawatankuasa Bantuan Kecemasan, Jawatankuasa Jubli Perak dan Persatuan Palang Merah Australia dan bukannya tanggungjawab tabung.<sup>23</sup> Ternyata syor Jumabhoy tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada Kerajaan BMA, sekali gus menunjukkan British tidak berhasrat untuk menggunakan tabung bagi membantu buruh India yang terdesak. Senario ini sangat bersesuaian dengan dakwaan V.M.N. Menon yang menjelaskan bahawa Kerajaan BMA yang kembali memerintah Tanah Melayu hanya memfokuskan kepada usaha memulihara aset dan kekayaan tetapi tidak berusaha untuk memulihara kebajikan buruh India.<sup>24</sup>

### **Tabung Menjaga Kebajikan Buruh India**

Tabung telah mempertimbangkan sedikit sumbangan kewangan kepada *Ramakrishna Mission* cawangan Pulau Pinang pada 1 Ogos 1947. Pertimbangan ini hanya dibuat atas desakan daripada ahli-ahli Jawatankuasa Imigrasi India. Menurut W.H.Esson (Ahli Jawatankuasa Imigrasi India), Kerajaan British telah menjanjikan wang sebanyak \$900,000 untuk menjaga kebajikan anak-anak buruh India yang meninggal dunia di Siam sejeurus selepas pendudukan Jepun.<sup>25</sup> Namun, janji tetap tinggal janji. Oleh itu, W.H. Esson mendesak tabung menghulurkan bantuan kewangan kepada *Ramakrishna Mission* kerana 80 peratus penghuninya terdiri daripada anak-anak buruh India yang terkorban dalam pembinaan Landasan Kereta api Maut Burma-Siam.

Menurut Dr McGregor [Pengarah Perubatan dan Perkhidmatan Kesihatan, Malayan Union (MU)], tabung seharusnya lebih awal menghulurkan bantuan kewangan kepada mangsa peperangan sementara menunggu bantuan Kerajaan British. R.P. Bingham (Pesuruhjaya Buruh Singapura) mengkritik bahawa Kerajaan MU mengambil masa yang lama untuk membantu mangsa peperangan. E.J.C. Edwards (Ahli Jawatankuasa Imigrasi India) pula mengulas bahawa Kerajaan MU lambat bertindak dalam menguruskan hal berkaitan anak-anak tanggungan buruh India yang meninggal dunia di Siam. Menurut E.J.C. Edwards,



*Little had been done by the Government in this direction; towards dealing with the problem of the widows and orphans of Indian labourers on estates who died in Siam though nearly two years has passed since the re-occupation.*<sup>26</sup>

*Ramakrishna Mission* memohon bantuan tabung kerana keadaan anak-anak buruh India dalam tanggunganannya amat teruk, memerlukan bangunan tambahan untuk menempatkan penghuninya dan menghadapi status kewangan yang sangat kritikal. Pendapatan bulanan pertubuhan ini tidak melebihi \$1,100<sup>27</sup>, manakala perbelanjaan bulanan pertubuhan ini menjangkau \$2,515 dan debatnya ialah \$1,415.<sup>28</sup> Walaupun *Ramakrishna Mission* berada dalam keadaan terdesak, F.V. Duckworth (Naib Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Imigrasi India) masih menegaskan bahawa Jawatankuasa Imigrasi India tidak akan bertanggungjawab ke atas kos pembinaan bangunan *Ramakrishna Mission* tetapi meluluskan sumbangan kewangan sebanyak \$5,000 daripada tabung bagi membiayai kos penyelenggaraan *Ramakrishna Mission*.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa kata putus tentang penggunaan tabung datang daripada Jawatankuasa Imigrasi India walaupun ia ditubuhkan oleh British. Tabung pula hanya digunakan untuk tujuan kecemasan selain daripada tujuan asal penubuhan. Oleh sebab itulah, tabung telah menghulurkan sedikit bantuan kewangan kepada *Ramakrishna Mission* yang menjaga kebajikan buruh India Selatan namun tidak secara menyeluruh. Kebanyakan pertubuhan awam telah menyumbangkan derma dengan murah hati terhadap kebajikan buruh India tetapi sumbangan tabung sebanyak \$5,000 begitu kecil dan sememangnya tidak mencukupi untuk menjaga kebajikan buruh India. Dalam konteks ini, tabung tidak memberi keutamaan kepada kebajikan buruh India dan tabung yang diwujudkan khas untuk buruh India tidak membawa manfaat kepada buruh India. Kerajaan British memang sedar tentang kepentingan buruh India dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi tetapi tidak ada kesungguhan untuk menjaga kebajikan mereka.

### **Tabung Merekrut Buruh dari Pantai Timur**

Selain daripada objektif asal penubuhan tabung, ia turut digunakan bagi tujuan lain. Perkara ini dapat diperhatikan apabila Jawatankuasa Imigrasi India cuba mengubah suai peranan tabung untuk membiayai kos merekrut buruh dari pantai timur atas desakan C.D. Ahearne (selaku Setiausaha, Pertubuhan

Majikan Industri Penanaman Tanah Melayu/*Secretary of the Malayan Planting Industries Employers' Association*). Hal ini merupakan satu senario di mana wujud penyimpangan dalam objektif asal penubuhan tabung.

Selepas Perang Dunia Kedua, Kerajaan British yang menduduki semula Tanah Melayu mempunyai agenda yang tersendiri untuk memajukan ekonomi Tanah Melayu dan menyaksikan pemulihan ladang-ladang getah secara progresif. Usaha British dibantu oleh peladang Eropah yang kembali ke Tanah Melayu dengan mengambil alih pengurusan ladang-ladang getah daripada BMA.<sup>29</sup> Keadaan ini telah membawa pertumbuhan pesat dalam industri perladangan dan pengeluaran getah pula telah pulih secara pesat.<sup>30</sup> Senario ini menyebabkan industri perladangan getah di pantai barat mengalami masalah kekurangan tenaga buruh yang ramai. C.D. Ahearne telah menganggarkan keperluan tenaga buruh melebihi 60,000 orang menjelang Januari 1948. Masalah kekurangan tenaga buruh timbul kerana populasi buruh India yang bekerja dalam sektor perladangan getah telah menurun secara signifikan dari 744,202 (1941) kepada 530,638 (1947) disebabkan larangan imigrasi buruh India yang tidak mahir dari India dan kadar kematian yang sangat tinggi semasa pendudukan Jepun.

C.D. Ahearne telah mencadangkan buruh direkrut daripada kampung-kampung Melayu dari pantai timur kerana selepas pendudukan Jepun populasi buruh Melayu telah meningkat dari 1,863,872 (1931) kepada 2,427,834 (1947) terutamanya di Kelantan, Terengganu dan Pahang<sup>31</sup> sehingga menyebabkan kadar kemiskinan dan pengangguran yang tinggi. Sehubungan itu, pada 20 Januari 1948, Houghton, Pesuruhjaya Buruh telah mengusulkan cadangan kepada Kerajaan British untuk merekrut buruh Melayu dari pantai timur untuk bekerja di sektor perladangan getah di pantai barat. Usaha ini melibatkan kos yang tinggi sehingga mendorong R.G.D. Houghton, Pesuruhjaya Buruh, Tanah Melayu mencadangkan pindaan dibuat ke atas Enakmen Tabung agar tabung boleh digunakan untuk menampung kos merekrut buruh dari pantai timur. Cadangan ini turut dipersetujui oleh Lembaga Penasihat Buruh<sup>32</sup> pada 9 April 1948. Senario ini telah menyaksikan satu lagi perkembangan yang menarik di mana Kerajaan British memperkenalkan rang undang-undang, *Recruitment of Indigenous Labour Ordinances*.<sup>33</sup>

Rang undang-undang ini membenarkan penubuhan Jabatan Buruh cawangan Melayu dan pelantikan pegawai Melayu yang bertanggungjawab merekrut buruh Melayu dari pantai timur untuk bekerja di ladang-ladang getah, lombong-lombong bijih timah dan jabatan-jabatan kerajaan di pantai barat NNM serta membenarkan penggunaan tabung diperluaskan untuk membiayai kos merekrut buruh Melayu dari pantai timur.<sup>34</sup> Bererti, tabung akan membiayai kos mendirikan stesen-stesen merekrut buruh pantai timur, kos mendirikan rumah buruh, kos sara hidup buruh dan keluarga buruh yang mencari pekerjaan dan kos pengangkutan pergi-balik dari rumah ke tempat kerja. Ternyata bahawa di sebalik rang undang-undang ini, Kerajaan British mempunyai agenda tersirat untuk menggunakan tabung bagi membantu dan membangunkan buruh Melayu dari pantai timur. Ia merupakan satu perancangan British yang membuktikan bahawa terdapat penyimpangan dalam objektif tabung pada era pasca Perang Dunia Kedua.

### **Bantahan Terhadap Rekrut Buruh Tempatan**

Pengenalan rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinance* telah mendapat pelbagai reaksi daripada pihak akhbar dan Percetakan India Tanah Melayu (*Malayan Indian Press*). Misalnya, akhbar *The Straits Times* mengkritik bahawa beberapa juta dolar wang kepunyaan tabung akan disalahgunakan oleh Jawatankuasa Imigrasi India untuk merekrut buruh Melayu dari pantai timur jika rang undang-undang tersebut diluluskan oleh Kerajaan British.<sup>35</sup>

Pengenalan rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinance* juga mendapat bantahan dan reaksi negatif daripada wakil-wakil buruh India Selatan. Misalnya, Padi A. Krishnan telah menyuarakan bantahan dengan membangkitkan tiga persoalan dalam ruangan sudut Forum Pembaca, akhbar *Malay Mail* seperti yang berikut:

- i) Mengapakah Kerajaan British tidak menggunakan tabung untuk menghantar pulang buruh India ke India sebelum tentera Jepun menyusur masuk ke Tanah Melayu sedangkan pegawai-pegawai British sempat menghilangkan diri?<sup>36</sup>
- ii) Siapakah yang bertanggungjawab menghantar pulang buruh India ke India apabila tercetusnya peperangan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941?

- iii) Siapakah yang bertanggungjawab menjaga keselamatan diri buruh India semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu?

Krishnan berasa kecewa dengan nasib yang dialami oleh buruh India pada zaman pendudukan Jepun. Beliau juga kesal dengan sikap British yang tidak jujur, mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin apabila tidak menggunakan tabung untuk merepatriasi buruh India ke India Selatan sebelum tentera Jepun menyusur masuk ke Tanah Melayu sedangkan, tujuan asal tabung adalah untuk menghantar pulang buruh India ke negara asal mereka. Sebaliknya, buruh India yang miskin telah ditinggalkan tanpa sebarang perlindungan di tempat kerja mereka. Buruh India dibiarkan hidup merana pada era pemerintahan Jepun dan kehidupan mereka tidak banyak berubah selepas pendudukan Jepun. Oleh itu, Krishnan telah menyeru kepada Majlis Perundangan Persekutuan agar tidak menyalahgunakan tabung untuk merekrut buruh Melayu dari pantai timur sebaliknya, menggunakan tabung untuk menjaga kebajikan buruh India yang menderita di Siam semasa pendudukan Jepun.

Sardar Budh Singh [Presiden, *Malayan Indian Congress* (MIC)] juga membantah tindakan Kerajaan British yang mempertimbangkan untuk menggunakan tabung bagi membiayai kos merekrut buruh Melayu dari pantai timur sedangkan, Kerajaan British dan para peladang belum memenuhi obligasi moralnya terhadap kebajikan buruh India. Budh Singh telah mengkritik bahawa keadaan hidup buruh India tidak diperbaiki langsung sejak beberapa dekad yang lalu. Tambahan pula, terdapat ramai buruh India termasuk balu dan anak-anak yatim piatu yang menderita akibat pembinaan Landasan Kereta api Maut. Bantuan yang diterima daripada Jabatan Kebajikan dan Sosial pula tidak mencukupi dan setakat ini tabung hanya menghulurkan bantuan sebanyak \$5,000.00 kepada *Ramakrishna Mission*. Jumlah ini dianggap sangat kecil jika dibandingkan dengan saiz masalah buruh India. Kritikan Budh Singh membuktikan bahawa obligasi moral Kerajaan British dan peladang terhadap buruh India belum terlaksana. Oleh yang demikian, Budh Singh telah menegaskan bahawa, “*The fund was an assurance for this country that the Indian labourers will be provided with certain amenities as long as they are in this country.*”<sup>37</sup> Oleh itu, Budh Singh menegaskan tabung seharusnya digunakan untuk membantu tanggungan buruh India yang telah meninggal dunia dalam pembinaan Landasan Kereta api Maut Burma-Siam dan seterusnya memohon kepada Kerajaan

British untuk mempertimbangkan semula pelaksanaan rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinance*.

Major A.S. Roman, bekas Timbalan Pesuruhjaya Buruh dari Pulau Pinang juga telah mengemukakan memorandum bantahan terhadap isu penggunaan tabung yang melibatkan jutaan dolar untuk merekrut buruh Melayu, seiring dengan pelaksanaan rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinance*. Beliau telah mengumumkan kenyataan seperti yang berikut:

*To use the fund for purposes other than those for which it was originally intended, constituted and hitherto applied, would be a blot on their fair name of the Administration. In fact, it will be a bare-faced swindle and a legalized loot in the administrative history of Malaya.*<sup>38</sup>

Memorandum Roman sebenarnya bertujuan menarik perhatian Kerajaan British terhadap undang-undang tentang pentadbiran tabung serta peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas tabung. Roman menegaskan bahawa walaupun wang tabung dikutip daripada pihak majikan, tetapi sebenarnya mencerminkan titik peluh dan darah buruh India Selatan. Oleh itu, tabung sebenarnya adalah milik buruh India. Roman juga mencadangkan supaya tabung digunakan untuk *Skim Penempatan Tanah*<sup>39</sup> bagi buruh India Selatan yang telah menjadikan Tanah Melayu sebagai rumah mereka.

G.V. Thaver (selaku Pengerusi, Pertubuhan India Tanah Melayu/ *Malayan Indian Association*, Selangor) melahirkan bantahan melalui *Memorandum on the Question of Land Settlement for Malayan Indians*.<sup>40</sup> Memorandum tersebut mencadangkan supaya tabung digunakan untuk skim penempatan tanah untuk buruh India. Beliau menyeru agar Kerajaan British membuat satu deklarasasi umum tentang polisi kerajaan berkaitan skim penempatan tanah untuk semua buruh India di Tanah Melayu. Skim tersebut bukan sahaja akan memanfaatkan ladang-ladang getah, lombong-lombong bijih timah dan jabatan-jabatan kerajaan malahan akan membantu kampung-kampung Melayu yang berhampiran untuk turut menikmati kemudahan hospital, sekolah dan kemudahan-kemudahan lain. Malangnya, Kerajaan British tidak dapat memberi perhatian wajar terhadap memorandum tersebut kerana tidak mendapat kerjasama dan sokongan daripada kerajaan negeri-negeri Melayu untuk memperuntukkan tanah.<sup>41</sup>

Terdapat juga desakan daripada golongan intelektual India kepada Kerajaan India supaya isu ini dirujuk kepada pihak berkuasa British di Tanah Melayu dan memastikan tabung diutilasikan untuk penempatan semula buruh India yang telah menjadikan Tanah Melayu sebagai tempat tinggal mereka.<sup>42</sup> Desakan mereka adalah berpandukan pada pendirian majikan dalam menentukan upah buruh India. Pada masa lampau, setiap permintaan untuk menaikkan upah buruh India supaya setaraf dengan upah buruh Cina telah ditolak oleh majikan. Hal ini demikian kerana majikan telah mengambil kira bayaran cukai taksiran ke dalam tabung dalam konteks menentukan upah buruh India yang meliputi kos perbelanjaan perumahan dan rawatan perubatan. Perkara ini membuktikan bahawa tabung sebagai sebahagian daripada upah buruh India sebenarnya mewakili 'peluh dan darah' setiap buruh India. Tambahan pula, sebahagian besar buruh India telah lama menetap di Tanah Melayu dan telah kehilangan tali persaudaraan (*lost touch*) dengan saudara-mara dan kampung mereka di India. Oleh itu, tabung seharusnya digunakan untuk menempatkan semula buruh India di Tanah Melayu. Kerajaan British sepatutnya bertindak rasional dalam mengenakan cukai taksiran dan menubuhkan tabung lain yang khusus untuk merekrut buruh dari pantai timur.<sup>43</sup>

Perbincangan di atas jelas membuktikan bahawa isu penggunaan tabung untuk merekrut buruh Melayu dari pantai timur telah mendapat bantahan, disusuli dengan pelbagai cadangan daripada pelbagai pihak komuniti India. Dalam hal ini, pentadbiran British tidak memberikan respons yang munasabah bagi merekrut buruh Melayu dari pantai timur di bawah tabung ini.

#### REAKSI KERAJAAN BRITISH TERHADAP CADANGAN DAN BANTAHAN

Dari sudut pandangan peladang Eropah, peranan tabung seharusnya diubah suai bagi menggalak, membantu dan meningkatkan bilangan buruh Melayu dalam sektor perladangan getah kerana para peladang lebih gemar merekrut buruh Melayu yang sanggup bekerja sebagai buruh harian. Perkara ini dapat diperhatikan menerusi peningkatan bilangan buruh Melayu yang bekerja di ladang-ladang getah dari seramai 15,000 orang pada Disember 1938 kepada 51,000 orang pada Disember 1947. Sehubungan dengan itu, C.D. Ahearne telah pun menyampaikan memorandum kepada Kerajaan India dan

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Memorandum tersebut menegaskan bahawa pindaan dibuat dalam peruntukan tabung bertujuan mengubah suai tujuan asal tabung supaya ia boleh digunakan untuk merekrut buruh Melayu dari pantai timur. C.D. Ahearne juga menjelaskan pendirian dan hak para peladang ke atas tabung seperti yang berikut:

*The Indian Immigration Fund is essentially a labour supply fund maintained by employers for their own benefit. The fund was maintained by contributions from employers who were compelled by law to pay amounts calculated on the number of days work done by each quarter by Indian labourers on their properties. It was a labour supply fund pure and simple and it was maintained by employers for that purpose only.<sup>44</sup>*

Oleh yang demikian, C.D. Ahearne telah mendesak Kerajaan British supaya membuat pindaan segera dalam perundangan Tabung untuk merekrut buruh Melayu. Desakan dibuat berasaskan kebimbangan para peladang terhadap kebanyakan kawasan getah di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang dibiarkan tidak ditoreh disebabkan kekurangan tenaga pekerja.

Kerajaan British pula tidak menafikan peranan tabung dalam merekrut buruh India ke Tanah Melayu mulai tahun 1907 sehingga tahun 1938. Namun, dari perspektif mereka tujuan asal tabung terbatal secara automatik setelah Kerajaan India mengenakan larangan dan menghentikan pengimportan buruh India. Justeru, tabung tidak boleh diutilasikan lagi khusus untuk menjaga kebajikan buruh India malahan, seharusnya digunakan untuk membangunkan buruh Melayu. Oleh hal yang demikian, tidak salah jika peranan tabung diubah suai untuk menanggung kos merekrut buruh Melayu dari pantai timur bagi menyelesaikan masalah kekurangan buruh.

Kerajaan British juga mendakwa bahawa ia berhak mengubah suai peranan tabung mengikut keperluan semasa kerana tabung adalah 'Tabung Majikan' semata-mata dan buruh India tidak menyumbang walau satu sen pun untuk tabung tersebut. Tambahan pula, rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinance* telah dipersetujui bukan sahaja oleh Jawatankuasa Imigrasi India tetapi juga oleh Lembaga Penasihat Buruh yang mempunyai perwakilan yang seimbang dari pihak kerajaan, majikan dan pekerja.<sup>45</sup> Oleh itu, terdapat rasional untuk mengubah suai peranan tabung bagi membiayai kos merekrut buruh Melayu dari pantai timur selagi obligasi moral terhadap buruh India tidak terjejas dengan tindakan tersebut.<sup>46</sup>

Isu pelaksanaan rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinance* mencapai kemuncak apabila V.M.N. Menon<sup>47</sup> menyuarakan bantahan dalam persidangan Majlis Perundangan Persekutuan yang diadakan pada 31 Mac 1949. Menurut V.M.N. Menon, buruh India tidak membantah kemasukan buruh pantai timur untuk bekerja di ladang-ladang getah, sebaliknya mengalu-alukan kedatangan mereka untuk berkongsi kekayaan ekonomi di ladang-ladang getah. Menon juga tidak menafikan kenyataan bahawa tabung diwujudkan dengan cukai yang dibayar oleh majikan untuk merekrut buruh India. Oleh itu, beliau mengaku bahawa tabung sememangnya Tabung Majikan (*Employer's Fund*) tetapi menegaskan bahawa cukai yang dikutip hanyalah untuk merekrut dan menjaga kebajikan buruh India Selatan.

Bagi mengukuhkan lagi hujah, Menon telah menarik perhatian ahli-ahli Majlis Perundangan Persekutuan kepada Bahagian VI, Bab XII Kod Buruh yang menjelaskan tentang peruntukan tabung dengan lebih jelas. Seksyen 117 Kod Buruh 1923 menggariskan bahawa tabung hanya boleh diperuntukkan untuk buruh India. Seksyen 129 menjelaskan peranan tabung hanya bertujuan untuk merekrut, merepatriasi dan menjaga kepentingan buruh India dan keluarganya.<sup>48</sup> Menon juga menegaskan bahawa tabung adalah sebahagian daripada upah buruh India yang dikutip dari majikan dan disalurkan ke dalam tabung bagi menjaga kebajikan buruh India. Sekiranya tabung tidak ditubuhkan dan cukai taksiran tidak dikenakan kepada majikan, gaji buruh India sudah pasti sama dengan gaji buruh Cina yang lebih tinggi.<sup>49</sup> Tambahan pula, majikan selalu merujuk bayaran cukai taksiran ke dalam tabung sebagai satu alasan untuk tidak menaikkan upah buruh India. *The Indian Daily Mail* menyokong kenyataan Menon dan mengkritik bahawa tabung telah menghalang kenaikan upah buruh India kerana upah buruh pastinya lebih tinggi tanpa tabung. Hal ini dapat diperhatikan dalam kenyataan yang berikut:

*It was a portion of Indian labourers' wages, a part of the workers' actual earnings, collected directly from the employer and formed into a fund for the workers' benefit. If this fund had not been established, the wages actually paid to the labourers should have been greater to that extent. As a matter of fact, the enforcement of this assessment had always been invariably cited as one of the reasons for not increasing the Indian labourers' wages especially on the estates. That itself shows that the fund called the "Indian Immigration fund" was in fact built up from wages of the Indian labourer who has worked in this country in the past or who is working now has a legal claim to this fund, and is a joint owner of it.*<sup>50</sup>



R.G.D. Houghton, Pesuruhjaya Am Buruh (*General Commissioner for Labour*) yang menyahut bantahan Menon telah mengkritik bahawa dakwaan Menon tidak berasas dan tidak disokong dengan fakta. Houghton berpendapat pelaksanaan rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinance* bukan bertujuan untuk menekan dan menindas buruh India di pantai barat sebaliknya, rang undang-undang tersebut dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh yang amat ketara di negeri-negeri pantai barat Semenanjung Tanah Melayu khususnya di Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Johor. Ia secara tidak langsung akan membawa kebaikan kepada komuniti kampung di pantai timur, terutamanya kepada penduduk Kelantan yang hidup dalam keadaan daif.

Sebagai balasan kepada sangkalan Houghton, Menon telah mengungkit kembali keputusan Majlis Perundangan Persekutuan yang telah meluluskan Kod Buruh (Pindaan) Enakmen *Indian Immigration Committee (Extension of Powers Enactment, 1941)* pada 18 November 1941.<sup>51</sup> Sebelum enakmen tersebut diluluskan, Kerajaan PTM telah meminda definisi buruh India Selatan dalam Kod Buruh (Pindaan) 1941<sup>52</sup> yang berkaitan dengan tabung. Dalam Kod Buruh (Pindaan) 1941, Seksyen-seksyen 112, 115, 118, 119, 112 dan Subseksyen (1) Seksyen 123 dipinda untuk memasukkan buruh Jawa. Semasa pindaan dibuat, Peguam Negara mewakili Kerajaan British telah memberi dua jaminan. Pertama, wang pendahuluan dari tabung yang digunakan untuk merekrut buruh Jawa akan dibayar balik dengan segera. Kedua, wang tabung hanya boleh digunakan untuk menjaga kebajikan buruh India Selatan. Menon yang masih ingat akan jaminan Kerajaan PTM telah menyuarakan rasa tidak puas hatinya sekali lagi.

Houghton pula telah menafikan bahawa tidak ada bukti bagi jaminan dan menerangkan bahawa tujuan sebenar Kod Buruh (Pindaan) Rang Undang-undang *Indian Immigration Committee (Extension of Powers Enactment, 1941)* adalah semata-mata untuk merekrut buruh Jawa dalam lingkungan kuasa tabung. Ia telah menafikan kebajikan buruh India dalam Seksyen 129 (ii) (j) Kod Buruh dan membenarkan peranan tabung diperluaskan untuk tujuan-tujuan lain yang akan ditentukan oleh Majlis Perundangan Persekutuan dari semasa ke semasa.<sup>53</sup> Berdasarkan perdebatan tersebut, Majlis Perundangan Persekutuan telah meluluskan rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinance* pada Jun 1949.

Daripada perbincangan tersebut, dapat diperhatikan usaha tabung untuk menjaga kebajikan mangsa peperangan adalah sesuatu yang bersesuaian dengan tujuan asal penubuhan tabung. Namun, soal memperluaskan peranan tabung untuk membiayai kos merekrut buruh Melayu dari pantai timur sebenarnya bertujuan menjaga kepentingan ekonomi British. Oleh sebab itulah, rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinance* mendapat tentangan daripada golongan intelektual India yang merasakan British sebenarnya tidak berniat jujur dan kerap mengubah suai peranan tabung mengikut kepentingan mereka. Hal ini menyebabkan tabung selalunya menguntungkan British dan bukannya buruh India. Walau apa jua bantahan yang diterima daripada wakil komuniti India, kebiasaannya bantahan yang disuarakan tidak mendapat perhatian Kerajaan British kerana hanya terdapat dua orang wakil komuniti India dalam Jawatankuasa Imigrasi India. Keadaan ini menyebabkan kuasa British selalunya mengatasi kuasa wakil komuniti India. Bantahan daripada Badan-badan Bukan Kerajaan India (NGO) dan MIC juga tidak mendapat perhatian wajar kerana tiada kaitan dengan tabung tersebut kerana dikawal sepenuhnya oleh Jawatankuasa Imigrasi India. Walaupun Kerajaan British merupakan penyumbang terbesar tabung, ia juga tidak berkuasa dan tidak mempunyai kata putus dalam menentukan peranan tabung.<sup>54</sup> Oleh sebab itu, terdapat kesungguhan dalam kalangan ahli Jawatankuasa Imigrasi India untuk mempertahankan pendirian mereka ke atas isu merekrut buruh Melayu dari pantai timur dengan meniadakan hak buruh India ke atas tabung.

Walaupun bagaimanapun, rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour* tidak dapat diimplementasikan oleh Jawatankuasa Imigrasi India disebabkan pelbagai kekangan. Pertama, golongan elit Melayu mengemukakan bantahan dan hanya bersetuju dengan perancangan British merekrut buruh Melayu dari pantai timur sekiranya orang Melayu dijadikan rakan kongsi dalam skim-skim *profit-sharing* dan British membuat perancangan untuk membawa masuk orang Melayu ke dalam pengurusan ladang-ladang getah.<sup>55</sup> Kedua, kerajaan negeri Kelantan telah menangguhkan hasrat British merekrut buruh Melayu dari pantai timur untuk tempoh masa tiga bulan.<sup>56</sup> Ketiga, John Thivy, wakil Kerajaan India ke Tanah Melayu telah meminta jaminan bahawa peranan asal tabung tidak tergugat akibat merekrut buruh Melayu dari pantai timur.<sup>57</sup> Malahan, Kerajaan India juga tidak membantah penggunaan tabung secara terhad untuk tujuan lain asalkan British memberi jaminan bahawa peranan tabung untuk menjaga kebajikan buruh India dilaksanakan sepenuhnya.<sup>58</sup>

Kerajaan British telah menolak sebarang jaminan untuk mengehendkan penggunaan tabung untuk tujuan lain. Di samping itu, British menegaskan status tabung sebagai 'Tabung Majikan' dengan menolak dakwaan pemimpin India yang menganggap tabung adalah sebahagian daripada upah buruh India. Bagi mengelakkan kekeliruan tentang status tabung, Jawatankuasa Imigrasi India bersetuju memindahkan segala aset tabung kepada *Malayan Employers' Labour Committee*, iaitu di mana jawatankuasa baharu ini akan meneruskan obligasi moral tabung terhadap buruh India di samping menggunakan tabung ini untuk tujuan-tujuan lain. Keputusan ini telah membawa kepada penggubalan rang undang-undang baharu, *Malayan Employers' Labour Ordinance 1949* dan diluluskan oleh Lembaga Penasihat Buruh.

Menurut rang undang-undang ini, tabung akan digunakan untuk merekrut buruh tempatan tanpa mengira bangsa, agama dan jantina melalui *Government Labour Exchanges* dan keanggotaan dalam *Malayan Employers' Labour Committee* dikhaskan kepada majikan yang membentuk tabung.<sup>59</sup> Seterusnya, *The Employer's Labour Fund Ordinance 1955* diperkenalkan untuk menggantikan dan mengawal aktiviti tabung yang dibentuk khas untuk buruh India. Keadaan ini jelas membuktikan terdapat penyimpangan dalam objektif asal penubuhan tabung. Kerajaan British tidak menggunakan tabung secara optimum untuk menjaga kebajikan buruh India di Tanah Melayu walaupun aset dan liabiliti tabung amat tinggi berbanding dengan komitmen kewangannya. Menjelang 16 Mei 1956, aset dan liabiliti tabung adalah seperti di bawah:<sup>60</sup>

- a) Depot utama dan depot subsidiari di Negapatam yang merupakan aset Tabung Imigrasi India.
- b) Aset kewangan Tabung Imigrasi India pada 1 April 1956 ialah;

**Tempatan:**

\$500,000 5% Stok Berdaftar Majlis Perbandaran Pulau Pinang (1926)

\$131,650 4¾% Stok Berdaftar Majlis Perbandaran Pulau Pinang (1929)

\$258,000 ¾% Stok Berdaftar Majlis Perbandaran Singapura (1948)

\$207,000 4½% Stok Berdaftar Majlis Perbandaran Singapura (1930)

- \$386,000 4½% Pinjaman Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1931)
- \$400,000 3% Pinjaman Perang (*War Loan*) Kerajaan Negeri-negeri Selat (1940)
- \$85,000 3% Pinjaman Perang Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1941)
- \$600,000 3% Pinjaman Malayan Union (1946)
- \$200,000 3¾% Pinjaman Persekutuan Tanah Melayu (1951)
- \$200,000 4¾% Pinjaman Keselamatan Persekutuan Tanah Melayu (1952)

**Di Luar Negara:**

- £415,851.19s 3d British 3½% Pinjaman Perang (*War Loan*) (1932)
- £10,000 0s 0d Nyasaland 3% Stok (1954-74)
- £49,379 0s 11d 3% Bond Simpanan (1960-70)
- Akaun Simpanan Chartered Bank \$20,000
- Akaun Simpanan Post Office Savings \$60,000

- c) Komitmen Kewangan Tabung Imigrasi India pada 1956:
1. Kos penghantaran pulang buruh India Selatan \$45,000
  2. Kos penyelenggaraan Depot di Pulau Pinang dan Port Swettenham dan Choultry di Kuala Lumpur \$50,000
  3. Kos Penyelenggaraan Depot di Negapatam \$8,000
  4. Bayaran Penubuhan
    - Di Tanah Melayu ... \$34,000
    - Di India .....\$11,000
    - \$45,000
    - Jumlah                    \$148,000

Aset dan liabiliti tabung juga menunjukkan yang ia telah digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti pinjaman perang, pinjaman Malayan Union dan pinjaman Keselamatan Persekutuan Tanah Melayu. Tabung tidak digunakan sepenuhnya untuk menjaga nasib buruh India yang hidup melarat dan bernasib malang dalam pembinaan kereta api maut.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan menunjukkan bahawa tabung Imigrasi India ditubuhkan untuk menjaga kebajikan buruh India tetapi tiada kesungguhan dari pihak Kerajaan British untuk menggunakan tabung bagi membela nasib buruh India. Mereka dibiarkan hidup merana dan terseksa dalam pembinaan landasan kereta api maut Siam dan kezaliman yang dilalui pada era pemerintahan Jepun. Selepas Perang Dunia Kedua, peranan tabung terhad kepada menanggung kos merepatriasi buruh India Selatan dan serba sedikit menghulurkan bantuan kewangan kepada institusi yang menjaga kebajikan mangsa pendudukan Jepun. Tabung seharusnya berperanan menjaga kebajikan buruh India. Namun, ia telah disalahgunakan oleh British untuk merekrut buruh Melayu dari pantai timur demi menjaga kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu dan tujuan-tujuan lain (pinjaman perang, pinjaman Malayan Union dan pinjaman keselamatan). Wakil komuniti India telah membantah tetapi tidak berhasil kerana kuasa British mengatasi kuasa wakil komuniti India. Makalah ini telah membuktikan ketidakjujuran British dalam menjaga kepentingan buruh India dan terdapat penyimpangan dalam objektif penubuhan tabung pada era selepas pendudukan Jepun yang tidak dirakamkan dalam sejarah Malaysia.

## NOTA

<sup>1</sup>*Tamil Immigration Fund Ordinance*, 1907 dalam *Straits Settlements Government Gazette*, 3 Januari 1908.

<sup>2</sup>Tabung menghentikan pengimportan buruh India selepas Kerajaan India mengenakan larangan ke atas emigrasi buruh India yang tidak mahir ke Tanah Melayu pada 15 Jun 1938.

<sup>3</sup>Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some aspects of their Immigration and Settlement*, London, Cambridge University Press, 1969, hlm. 305 dan 316-317.

<sup>4</sup>Pentadbiran Tentera British (BMA) ditubuhkan oleh Ketua Pemerintah Tentera British, Lord Louis Mountbatten pada 15 Ogos 1945 dan pentadbiran ini bertanggungjawab untuk membangunkan semula pengaruh British di Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun. Tugas BMA adalah untuk mewujudkan bahagian-bahagian negeri jajahan, menyediakan dasar eksploitasi British selepas perang serta mengawal keselamatan Tanah Melayu.

<sup>5</sup>*Senior Officer I, Department of Labour and Immigration, British Military Administration (Malaya)*.

<sup>6</sup>*Deputy Chief Civil Affairs Officer (D.C.C.A.O.)*, 576/1945 - *Laporan Mingguan, Jabatan Buruh*, 30 September 1945 – 6 Oktober 1945.

<sup>7</sup>*Deputy Chief Civil Affairs Officer (D.C.C.A.O.)*, 576/1945 - *Laporan Mingguan, Jabatan Buruh*, Oktober 1945.

<sup>8</sup>Semasa pendudukan Jepun, kadar kes malaria sangat tinggi dalam kalangan buruh India kerana lebih daripada 80 peratus kes malaria berlaku di ladang-ladang getah. Di Selangor misalnya, kadar kematian akibat malaria meningkat sepuluh kali ganda, dari 0.7 per seribu pada tahun 1939 kepada 7.2 per seribu pada tahun 1942. Rujuk *RC Sel 296/1947, Report of the Selangor Medical Department for the years 1941-1946*. Peningkatan dalam kes malaria disebabkan gangguan dalam langkah pencegahan penyakit malaria. Menurut Paul H.Kratoska, "During the occupation, many estates discontinued antimalarial

measures, and local government agencies halted regular treatment of breeding areas because they could not obtain sufficient quantities of antimalarial oil. The Ulu Langat Sanitary Board, for example, normally used 450 gallons of oil per month, but during 1942 it was allocated just one third that amount and adopted a policy of monitoring breeding areas and applying oil only when large numbers of larvae were found.” Sila lihat Paul H.Kratoska, “Labor in the Malay Peninsula and Singapore under Japanese Occupation,” Paul H.Kratoska, (editor), *Asian Labor in the Wartime Japanese Empire*, Singapore, Singapore University Press, 2006, hlm. 239-240.

<sup>9</sup>George Netto, *Indians in Malaya: Historical Facts and Figures*. Singapore, Malaysia Book, 1961, hlm. 72.

<sup>10</sup>*The Malay Mail*, 17 Mac 1949.

<sup>11</sup>Paul H.Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya, 1942-1945: A Social and Economic History*, Honolulu, University of Hawaii Press, 1997, hlm. 184.

<sup>12</sup>Michael Stenson, *Class, Race and Colonialism in West Malaysia, The Indian Case*, St. Lucia, University of Queensland Press, 1980, hlm. 90.

<sup>13</sup>Paul H.Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya, 1942-1945: A Social and Economic History*, hlm. 318.

<sup>14</sup>*Malay Mail*, 17 Mac 1949.

<sup>15</sup>Sumbangan untuk tabung ini diperoleh daripada hasil jualan aset Jepun di Tanah Melayu. Menurut Hara Fujio, “Japanese properties sold in Malaya and Singapore realized \$72 million; \$49 million came from properties in Malaya, of which \$46.2 million was paid into the War Damage Fund. Properties in Singapore realized \$23 million, and \$21 million of this sum was paid into the War Damage Fund.” Rujuk Hara Fujio, “Japan and Malaysian Economy: An Analysis of the Relations started with Reparations after the end of World War II” dalam *Formation and Restructuring of Business Groups in Malaysia*, Tokyo, Institute of Developing Economics, 1993, hlm. 119-140.

<sup>16</sup>Menurut Yoshimura Mako, “Many Malayan people believed that the fund should be used for the social welfare and aiding victims and bereaved families. The fund, however, was used for the reconstruction of industries, especially British rubber and tin companies. It primarily benefited the British and the fund was allotted for big British companies. Sila lihat Yoshimura Mako, “Japan’s economic policy for occupied Malaya”, Akashi Yoji dan Yoshimura Mako (editor), *New Perspectives on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore, 1941-1945*, Singapore, NUS Press 2008, hlm. 113-138.

<sup>17</sup>Risalah *History of the Indian Immigration Fund*, Kuala Lumpur, Kementerian Buruh dan Sumber Manusia, 1999, hlm. 3.

<sup>18</sup>Malayan Union, *Report of Proceedings of Legislative Council*, Kuala Lumpur, The Malayan Union Government Press, 29 September 1949.

<sup>19</sup>Menurut Chew, “Rajabali Jumabhoy was a prominent businessman and patriarch of the four-generation Jumabhoy family business which once owned Scotts Holdings. Nicknamed “the Grand Old Man of Scott’s.” He had escaped to India on 7 February 1942, fearing retribution by the Japanese because of the high positions he had held under British rule. With the War’s end, the British requested his return to assist in the rehabilitation of the vital industries and the Indian community in Singapore. In 1948, he was elected by the Indian Chamber of Commerce into the first Legislative Assembly or Council, remaining a member until 1955. In 12 Jul 1951, he was appointed into the Executive Council of the Legislative Assembly” Sila lihat M.Chew, *Leaders of Singapore*, Singapore, Resource Press, 1996, hlm. 61-68.

<sup>20</sup>Ramakrishna Mission adalah organisasi dermawan dan sukarelawan yang diasaskan oleh pengikut Ramakrishna Swami, Vivekananda pada 1 Mei 1897. Pertubuhan ini memberi perkhidmatan secara meluas meliputi penjagaan kesihatan, bantuan bencana, pengurusan luar bandar, kebajikan puak, pendidikan rendah dan tinggi dan aspek budaya.

<sup>21</sup>*Selangor Civil Affairs 335 Pt.A/1945 - Report of Proceedings, British Military Administration (Malaya) Advisory Council*, Singapore, 12 Disember 1945, hlm. 71 dan 75.

<sup>22</sup>*Ibid.*

<sup>23</sup>*Ibid.*

<sup>24</sup>Malayan Union, *Report of Proceedings, British Military Administration (Malaya) Advisory Council*, Kuala Lumpur, The Malayan Union Government Press, 1947.

<sup>25</sup>*Minut Mesyuarat Jawatankuasa Imigrasi*, 1 Ogos 1947 dalam Negeri Sembilan Secretariat 364/1947 – Indian Immigration Committee.

<sup>26</sup>*Ibid.*

- <sup>27</sup>Pendapatan bulanan ini diperoleh melalui peruntukan bulanan daripada Jawatankuasa Bantuan Kecemasan dan Majlis Kebajikan sebanyak \$300 sebulan dan sumbangan daripada orang ramai.
- <sup>28</sup>Maklumat ini adalah berdasarkan penyata kira-kira bulanan *Ramakrishna Mission* yang dihantar kepada Jawatankuasa Imigrasi India semasa memohon bantuan kewangan.
- <sup>29</sup>*Report on the British Military Administration for December 1946*, hlm. 9.
- <sup>30</sup>Menjelang tahun 1947 Tanah Melayu telah menghasilkan rekod pengeluaran getah tertinggi yang pernah direkodkan sebelum Perang Dunia Kedua.
- <sup>31</sup>Federation of Malaya, *Annual Report for 1948*, Kuala Lumpur, The Government Press, 1949, hlm. 1.
- <sup>32</sup>Federal Secretariat 9279/1948 – *Minutes of the meeting of the Singapore Labour Advisory Board - The Labour Advisory Board* merupakan sebuah badan *tripartite* dengan keahlian empat orang mewakili Kerajaan Persekutuan, empat orang mewakili pihak majikan dan empat orang mewakili buruh. Ministry of Labour – 611/55 – *Composition and Functions of Labour Advisory Board*, lembaga ini akan menasihati Malayan Union dalam perkara-perkara seperti undang-undang buruh dan kebijakan buruh. Hal ini termasuklah tempoh masa bekerja, kerja lebih masa, kerja pada hari Ahad, cuti, langkah-langkah keselamatan dan sebagainya.
- <sup>33</sup>Rang undang-undang *Recruitment of Indigenous Labour Ordinances* digubal oleh Jabatan Buruh dan Undang-undang. Rujuk Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, (1948-1962), No. Fail. 1235/A/47, *Recruitment of Indigenous Labour Ordinances*.
- <sup>34</sup>Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, (1948-1962), No Fail. 1235/47,(i) *Indigenous Labour (ii) Indian Immigration Fund – Proposed Extended Use of*.
- <sup>35</sup>*The Straits Times*, 10 Mac 1949.
- <sup>36</sup>Menurut Usha Mahajani, “*Malaya was too far removed from India for sudden repatriation of Indians. Most of the Malayan Indians, therefore stayed back.*” Rujuk Usha Mahajani, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, New York, Greenwood Press, 1973, hlm. 145.
- <sup>37</sup>*The Straits Times*, 19 Mac 1949.
- <sup>38</sup>*The Indian Daily Mail*, 17 Mac 1947.
- <sup>39</sup>Idea tentang skim penempatan tanah telah dikemukakan oleh S.Veerasingam, ahli India pertama dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1928 tetapi tidak berhasil (*Proceedings of Federal Legislative Council*, 1928, hlm. B70 dan B73). Skim penempatan tanah bagi orang India sekali lagi dikemukakan oleh Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu dalam mesyuarat belanjawan, Majlis Perundangan pada November 1952.
- <sup>40</sup>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Memorandum *Land Settlement for Malayan Indians* yang disampaikan oleh G.V.Thaver kepada Pesuruhjaya Tinggi pada Mac 1949.
- <sup>41</sup>K 334/1949, *Memorandas on Land Settlement for Malaysian Indians*.
- <sup>42</sup>Desakan dibuat semasa lawatan Dr.B.V.Keskar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negara, India ke Tanah Melayu. Beliau diberitahu tentang usaha Kerajaan British untuk menyelewengkan tujuan asal tabung. Rujuk *The Indian Express*, 3 Jun 1949.
- <sup>43</sup>*Ibid.*
- <sup>44</sup>NS 468/49. *Note on The Indian Immigration Fund*, 16 Mac 1948; *The Malay Mail*, 16 Mac 1949.
- <sup>45</sup>*The Sunday Mail*, 20 Mac 1949.
- <sup>46</sup>*The Straits Times*, 22 Mac 1949.
- <sup>47</sup>Pada Januari 1946, Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union yang pertama telah melantik tiga orang ahli India – Sir H.H.Abdool Hamid Cader, M.L.R.Doraisamy dan V.M.N.Menon dalam Advisory Council. Hanya V.M.N.Menon dari masa ke semasa telah menyuarakan keperitan hidup buruh India dalam majlis ini. Rujuk Usha Mahajani, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, hlm. 192.
- <sup>48</sup>*Ibid.*, 197.
- <sup>49</sup>*Proceedings of Legislative Council*, 31 Mac 1949. Lebih lanjut tentang penyalahgunaan tabung untuk merekrut buruh dari pantai timur, sila rujuk Mahajani Usha, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, hlm. 197.
- <sup>50</sup>*The Indian Daily Mail*, 11 Mac 1949.
- <sup>51</sup>Enakmen tersebut telah memberi kuasa kepada Jawatankuasa Imigrasi India memperluaskan peranan tabung untuk membiayai kos merekrut buruh Jawa dari Indonesia.
- <sup>52</sup>Labour (Amendment) Ordinance, 1941, No.61 of 1941 dalam *Straits Settlements Ordinances, 1941*, Singapore, Government Printing Office, 1941.
- <sup>53</sup>Federation of Malaya, *Report of Proceedings of Legislative Council*, 1949.

<sup>54</sup>Menurut Marjouribanks dan Marakkayar, “*The Tamil Immigration Fund is administered by Controller of Labour under the authority of the Immigration Committee solely in the interest of importers of Indian labour. The Government is in fact largest single contributor to the fund through the assessment which it pays on all Indian labour employed in the Railways, Public Works Department, Municipalities, Sanitary Boards and other departments.*” Sila lihat N.E. Marjouribanks and A.K.Marakkayar, *Report on Indian Labour Emigrating to Ceylon and Malaya*, Madras, Government Press, 1917, hlm. 29.

<sup>55</sup>*Singapore Daily Mail*, 11 Mac 1950; Utusan Melayu, 11.3.1950; Rujuk juga Surat Che Mohamad Salleh bin Hakim kepada Timbalan Ketua Setiusaha, 23 November 1948 dalam *No.Fail.1235/A/47, Recruitment of Indigenous Labour Ordinance*.

<sup>56</sup>Surat Menteri Besar, Kelantan kepada Pesuruhjaya Buruh, Tanah Melayu, 12 Jun 1949 dalam *No.Fail.1235/A/47, Recruitment of Indigenous Labour Ordinance*.

<sup>57</sup>Surat John Thivy kepada Setiausaha Agung, Tanah Melayu, 21 Februari 1949 dalam *No.Fail.1235/A/47, Recruitment of Indigenous Labour Ordinance*

<sup>58</sup>Surat John Thivy kepada Pesuruhjaya Buruh, Tanah Melayu, 3 Jun 1949 dalam *No.Fail.1235/A/47, Recruitment of Indigenous Labour Ordinance*.

<sup>59</sup>*Malayan Employers’ Labour Ordinance, 1949* dalam No. Fail. 1235/47,(i) *Indegenous Labour* (ii) *Indian Immigration Fund – Proposed Extended Use of*.

<sup>60</sup>Federation of Malaya, *Legislative Council Debates Official Report of the Second Legislative Council (First Session), 30.8.1955 – 13.9.1956*. Kuala Lumpur, Government Printers, 1957, 1110-1111.

## RUJUKAN

- Chew, M. 1996. *Leaders of Singapore*.Singapore: Resource Press.
- Deputy Chief Civil Affairs Officer (D.C.C.A.O.), 576/1945 - *Laporan Mingguan, Jabatan Buruh*, 30 September 1945 – 6 Oktober 1945.
- Federal Secretariat 9279/1948 – *Minutes of the meeting of the Singapore Labour Advisory Board*.
- Federation of Malaya, *Annual Report for 1948*. 1949. Kuala Lumpur: The Government Press.
- Federation of Malaya, *Legislative Council Debates Official Report of the Second Legislative Council (First Session), 30.8.1955 – 13.9.1956*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- George Netto. 1961. *Indians in Malaya: Historical Facts and Figures*. Singapore: Malaysia Book.
- Hara Fujio. 1993. “Japan and Malaysian Economy: An Analysis of the Relations started with Reparations after the end of World War II”. Dlm. *Formation and Restructuring of Business Groups in Malaysia*. Tokyo: Institute of Developing Economics.
- K 334/1949, *Memorandas on Land Settlement for Malaysian Indians*.
- Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, (1948-1962), No. Fail. 1235/A/47, *Recruitment of Indigenous Labour Ordinances*.
- Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, (1948-1962), No. Fail. 1235/47,(i) *Indegenous Labour* (ii) *Indian Immigration Fund – Proposed Extended Use of*.
- Malayan Union.1947. *Report of Proceedings, British Military Administration(Malaya) Advisory Council*. Kuala Lumpur: The Malayan Union Government Press.
- Malayan Union. 29 September 1949. *Report of Proceedings of Legislative Council*. Kuala Lumpur: The Malayan Union Government Press.



- Marjouribanks, N.E. & Marakkayar, A.K. 1917. *Report on Indian Labour Emigrating to Ceylon and Malaya*. Madras: Government Press.
- Michael Stenson. 1980. *Class, Race and Colonialism in West Malaysia, The Indian Case*. St.Lucia: University of Queensland Press.
- Nakahara Michiko. 2006. "Malayan Labor on the Thailand – Burma Railway". Dlm. Paul H.Kratoska (eds.), *Asian Labor in the Wartime Japanese Empire*. Singapore: Singapore University Press.
- Negeri Sembilan Secretariat 364/1947, *Indian Immigration Committee*.
- Negeri Sembilan Secretariat 468/1949, *Note on The Indian Immigration Fund*, 16 Mac 1948.
- Paul H.Kratoska. 1997. *The Japanese Occupation of Malaya, 1942-1945: A Social and Economic History*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Paul H.Kratoska. 2006. "Labor in the Malay Peninsula and Singapore under Japanese Occupation." Paul H.Kratoska (ed.), *Asian Labor in the Wartime Japanese Empire*. Singapore: Singapore University Press, hlm. 237-248.
- RC Sel 296/1947, *Report of the Selangor Medical Department for the years 1941-1946*.
- Report on the British Military Administration for December 1946*.
- Risalah *History of the Indian Immigration Fund*. 1999. Kuala Lumpur: Kementerian Buruh dan Sumber Manusia.
- Sandhu, Kernial Singh. 1969. *Indians in Malaya: Some aspects of their Immigration and Settlement*. London: Cambridge University Press.
- Selangor Civil Affairs 335 Pt.A/1945, *Report of Proceedings, British Military Administration(Malaya) Advisory Council*, Singapore, 12 Disember 1945.
- Straits Settlements Government Gazette*. 1908. Singapore: Government Printing Office.
- Straits Settlements Ordinances*. 1941. Singapore: Government Printing Office.
- The Indian Daily Mail*, 17 Mac 1947; 11 Mac 1949.
- The Indian Express*, 3 Jun 1949.
- The Malay Mail*, 16 Mac 1949; 17 Mac 1949.
- The Straits Times*, 24 Jun 1945; 19 Mac 1949; 22 Mac 1949.
- The Sunday Mail*, 20 Mac 1949.
- Usha Mahajani. 1973. *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*. New York: Greenwood Press.
- Yoshimura Mako. 2008. Japan's economic policy for occupied Malaya. Dlm. Akashi Yoji & Yoshimura Mako (ed.). *New Perspectives on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore, 1941-1945*. Singapore: National University of Singapore Press.